

D246

U B451 BAH
MAHATHIR - PBS

JOHOR BAHRU, 16 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BARSIAN NASIONAL AKAN MEMBANTU CALON-CALON BEBAS MENENTANG PARTI BERSATU SABAH (PBS) PADA PILIHAN RAYA UMUM INI.

+KITA AKAN HANTAR ORANG KITA BERKEMPEN UNTUK CALON-CALON BEBAS MENENTANG PBS DI SABAH, SOAL SAMA ADA MEREKA AKAN MENYERTAI BN ATAU TIDAK, ITU PERKARA KECIL,+ KATANYA KETIKA MENGULAS LANGKAH PBS KELUAR DARIPADA BN YANG DIUMUMKAN PARTI ITU MALAM TADI.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN BEKAS WAKIL RAKYAT DAN CALON-CALON BN JOHOR DI SINI HARI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR SELAKU Pengerusi BN BERKATA, BN TIDAK AKAN MENERIMA SEMULA PBS MASUK KE DALAM BN.

BELIAU JUGA BERKATA BELIAU DAPAT MEMBACA LANGKAH PBS DAN MENYIFATKANNYA SESUATU YANG MEMANG TELAH DIRANCANG ANTARA PBS DENGAN PARTI SEMANGAT 46.

+SEMASA UCAPAN TENGKU RAZALEIGH HAMZAH (PRESIDEN SEMANGAT 46), BELIAU (TENGKU RAZALEIGH) PERNAH MENYEBUT SUPAYA PEMBANGKANG MENGAMBIL KIRA KAUM BUMIPUTERA SABAH DAN SARAWAK,+ KATA BELIAU.

PBS PULA TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN TIDAK AKAN MENGGUNAKAN SIMBOL BN PADA PILIHAN RAYA UMUM DAN DATUK PAIRIN JUGA TELAH MEMINTA BELIAU MEMBATALKAN LAWATAN BELIAU KE SABAH BARU-BARU INI, KATANYA. -- LAGI.
1556MST 16-10 90

D248

U B457 BAH
MAHATHIR - PBS 2 JOHOR BAHRU

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU YAKIN PBS AKAN MENGHANTAR ORANG-ORANGNYA UNTUK BERKEMPEN BAGI PEMBANGKANG DI SEMENANJUNG SEMASA KEMPEN PILIHAN RAYA INI.

SEMENTARA ITU BELIAU BERKATA BELIAU TELAH MENERIMA TELEGRAM DARIPADA PRESIDEN PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS) DATUK LEO MOGGIE YANG MENYATAKAN PARTI ITU TETAP BERSAMA-SAMA BN.

+SAYA JUGA TELAH MENERIMA TELEGRAM DARIPADA PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LIONG SIK MENYATAKAN SOKONGAN MCA KEPADA BN,+ KATANYA LAGI.

MENGENAI PELUANG BN UNTUK MENDAPAT MAJORITI DUA PERTIGA KERUSI DEWAN RAKYAT EKORAN PENARIKAN PBS ITU, BELIAU BERKATA PELUANG MEMANG ADA TETAPI SYARATNYA BN HENDAKLAH BEKERJA KERAS.

MENGENAI JENTERA PILIHAN RAYA BN DI JOHOR, BELIAU BERKATA SETELAH MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN CALON-CALON BN BELIAU MENDAPATI BN JOHOR TIDAK MEMUNYAI APA-APA MASALAH.

BELIAU BERKATA KEKUATAN DI JOHOR PADU DAN BELIAU YAKIN BN AKAN MEMENANGI HAMPIR SERATUS PERATUS KERUSI DI JOHOR. -- BERNAMA.
1559MST 16 10 90